



Ketatkan kebocoran subsidi diesel sebelum kurangkan kuota BUDI95 - TMB Kelantan

DARULNAIM

ISSN 1311-6891 | ZULKAEDA 1447H | 09-14 MEI 2026

URUS SETIA PENERANGAN DAN KOMUNIKASI NEGERI KELANTAN

Hormati institusi diraja, elak polemik terbuka - Dato' Mohd Amar

Kadar sukses rawatan TB di Kelantan cecah 94.6 peratus, atasi sasaran nasional

Harum Manis Klate tanaman alternatif di Melawi

Kelantan-Jakarta bincang kerjasama sektor pelancongan, perdagangan

Oleh: Asri Hamat

KOTA DARULNAIM, 14 Mei — Kerajaan Negeri Kelantan dan pentadbiran Daerah Khusus Ibu Kota (DKI) Jakarta membincangkan pelbagai bentuk kerjasama strategik dua hala melibatkan sektor pelancongan, perdagangan serta pemeliharaan warisan Melayu-Islam.

Perkara tersebut didiskusikan oleh Menteri Besar Kelantan YAB Dato' Panglima Perang Ustaz Dato' Mohd Nassuruddin Daud bersama Gabenor DKI Jakarta Pramono Anung Wibowo dalam lawatan kerja rasminya ke Republik Indonesia, pada Rabu.

Sehubungan itu, Dato' Mohd Nassuruddin berkata, antara fokus utama perbincangan ialah pengembangan sektor pelancongan merangkumi pelancongan ilmu, warisan, budaya dan kesihatan.

Menurutnya, kedua-dua pihak turut memberi penekanan terhadap usaha memelihara sejarah Melayu-Islam serta manuskrip lama selain memperhalusi peluang pelaburan bagi memperkukuh jaringan perdagangan antara Kelantan dan Jakarta.

"Kerjasama ini penting bagi memastikan hubungan ekonomi kedua-dua wilayah terus kukuh dan berdaya saing.

"Saya amat yakin Kelantan



memiliki potensi dan kelebihan yang masih luas untuk diterokai dan dikembangkan. Hasil kerjasama yang terjalin diharapkan memberi impak bermakna sekali gus meningkatkan taraf kesejahteraan hidup rakyat," katanya menerusi media sosial, semalam.

Terdahulu, beliau bersama delegasi dari Kelantan mengadakan kunjungan rasmi ke pejabat Pramono Anung Wibowo di Jakarta City Hall.

Sementara itu, Exco Pelancongan, Kebudayaan, Kesenian dan Warisan YB Datuk Kamaruddin Md Nor pula berkata, kerjasama berkenaan akan diperkukuh lagi menerusi pengumuman penerban-

gan terus dari Kota Bharu ke Jakarta yang dijadual bermula pada 16 Jun 2026.

Menurutnya, kemudahan akses udara itu diyakini mampu menjadi pemangkin kepada aliran pelancong, pelajar dan pelabur antara kedua-dua wilayah dengan lebih efisien.

"Jalinan erat dengan pihak pentadbiran DKI Jakarta ini dilihat menjadi titik mula baharu kepada fasa pembangunan pelancongan yang lebih dinamik dan berdaya saing.

"Dengan adanya penerbangan terus bermula Jun ini, pasaran pelancongan tempatan kini terbuka lebih luas untuk diteroka warga Ja-

“

Saya amat yakin Kelantan memiliki potensi dan kelebihan yang masih luas untuk diterokai dan dikembangkan. Hasil kerjasama yang terjalin diharapkan memberi impak bermakna sekali gus meningkatkan taraf kesejahteraan hidup rakyat”

karta dan Indonesia secara amnya," jelasnya.

Anggota delegasi Kelantan yang turut hadir dalam lawatan kerja tersebut ialah Setiausaha Kerajaan Negeri Kelantan YBM Tengku Kaya Perkasa Dato' Dr Tengku Mohamed Faziharudean Al-Haj Tengku Faisal, Timbalan Exco Pelancongan, Kebudayaan, Kesenian dan Warisan YB Zambri Mat Nawang.

Turut mengiringi, Timbalan Setiausaha Kerajaan Negeri (Pembangunan) Dato' Ab Pattah Hasbullah dan Pengarah Unit Perancang Ekonomi Negeri Kelantan (UPEN) Wan Zulfadhli Syahman Wan Yusof.



Ketatkan kebocoran subsidi diesel sebelum kurangkan kuota BUDI95 - TMB Kelantan

Oleh: Norzana Razaly

KOTA DARULNAIM, 14 Mei – Kerajaan Persekutuan disaran meneliti terlebih dahulu isu kebocoran penggunaan diesel bersubsidi di bawah Sistem Bekalan Diesel Bersubsidi (SKDS 2.0) sebelum mempertimbangkan cadangan pengurangan kuota petrol BUDI95 daripada 200 liter kepada 150 liter sebulan.

Demikian kenyataan Timbalan Menteri Besar Kelantan Mohamed Fadzli Hassan melalui media sosial, semalam.

Menurutnya, langkah mengurangkan kuota subsidi kepada rakyat perlu dibuat secara lebih berhati-hati dengan mengambil kira realiti kehidupan masyarakat luar bandar yang amat bergantung kepada penggunaan kenderaan sendiri.

Beliau berkata, kerajaan memahami tekanan ekonomi semasa termasuk peningkatan kos subsidi bahan api akibat ketidakpastian geopolitik dunia, namun keutamaan perlu diberikan kepada usaha membendung ketirisan subsidi yang berpotensi dinikmati pihak korporat besar.

“Kerajaan perlu melihat dahulu sama ada diesel bersubsidi RM2.15 seliter di bawah SKDS 2.0 benar-benar dimanfaatkan untuk keperluan logistik asas rakyat seperti pengangkutan beras, sayur-sayuran dan ubat-ubatan, atau turut digunakan bagi mengangkut produk komersial milik syarikat besar termasuk makanan segera jenama antarabangsa, minuman berkarbonat, barangan mewah dan produk im-



port,” katanya dalam kenyataan tersebut.

Beliau berpandangan, sekiranya syarikat korporat besar yang mencatat keuntungan tinggi turut menikmati manfaat subsidi bahan api secara tidak langsung menerusi kos logistik rendah, keadaan itu boleh menimbulkan persoalan berkaitan keadilan dalam pengagihan subsidi rakyat.

Tegasnya, pengurangan kuota BUDI95 secara seragam juga berisiko memberi kesan lebih besar kepada penduduk luar bandar berbanding masyarakat bandar yang mempunyai akses lebih luas kepada sistem pengangkutan awam.

“Penduduk di kawasan luar bandar seperti di Kelantan, Terengganu, Sabah dan Sarawak masih bergantung kepada kenderaan persendirian untuk urusan harian. Ada guru yang perlu memandu puluhan kilometer ke sekolah dan nelayan yang menggunakan bahan api untuk operasi harian mereka.

“Mungkin 150 liter mencukupi bagi sebahagian pengguna di ban-

dar besar yang mempunyai kemudahan seperti MRT, namun situasi itu berbeza bagi masyarakat luar bandar yang tidak mempunyai banyak pilihan,” katanya.

Mengulas data penggunaan bahan api nasional yang menunjukkan sebahagian besar rakyat menggunakan kurang daripada 150 liter sebulan, beliau berpendapat angka purata tersebut tidak semestinya menggambarkan keadaan sebenar di semua kawasan.

Katanya lagi, pendekatan berasaskan purata nasional perlu diteliti semula kerana berpotensi menenggelamkan realiti rakyat di kawasan pedalaman dan desa yang memerlukan penggunaan bahan api lebih tinggi untuk mobiliti harian.

Sehubungan itu, beliau mencajangkan kerajaan memperketatkan kawal selia penggunaan diesel bersubsidi melalui SKDS 2.0 dengan mengasingkan kategori barangan yang layak menikmati subsidi.

“Barangan asas rakyat seperti beras, sayur-sayuran, ubat-ubatan dan keperluan asas wajar terus

“

Kerajaan sewajarnya menutup ruang kebocoran subsidi terlebih dahulu sebelum menyentuh kuota rakyat. Sebarang keputusan berkaitan BUDI95 perlu mengambil kira keperluan sebenar rakyat di lapangan, bukan semata-mata berdasarkan angka purata”

menerima manfaat subsidi penuh, manakala syarikat besar yang mengangkut produk komersial dan barangan premium seharusnya menanggung sendiri kos logistik mereka,” ujarnya.

Beliau turut mengusulkan supaya pengendali lori di bawah SKDS 2.0 diwajibkan mengisytiharkan jenis muatan dan penerima perkhidmatan bagi memastikan subsidi benar-benar sampai kepada sektor yang memberi manfaat langsung kepada rakyat.

Tambahnya, sekiranya kerajaan tetap mempertimbangkan pengurangan kuota BUDI95, pendekatan bersasar mengikut lokasi dan akses pengangkutan awam perlu dipertimbangkan agar tidak membebankan masyarakat luar bandar.

“Kerajaan sewajarnya menutup ruang kebocoran subsidi terlebih dahulu sebelum menyentuh kuota rakyat. Sebarang keputusan berkaitan BUDI95 perlu mengambil kira keperluan sebenar rakyat di lapangan, bukan semata-mata berdasarkan angka purata,” katanya.



Ibu bapa guru pertama dalam pembentukan akhlak anak-anak

Oleh: Asri Hamat

KOTA DARULNAIM, 11 Mei — Ibu bapa, terutamanya ibu, merupakan guru pertama kepada anak-anak dalam membentuk akhlak dan adab yang baik sejak kecil.

Exco Pembangunan Islam, Dakwah, Penerangan dan Hubungan Seranta YB Mohd Asri Mat Daud berkata, peranan ibu bapa amat penting dalam membina masyarakat yang bertamadun dan berakhlak mulia.

“Guru pertama inilah yang memperkenalkan anak-anak dengan akhlak dan adab yang baik sehingga menjadi mata rantai kepada pembentukan masyarakat yang bertamadun,” katanya menerusi media sosial, pada Ahad.

Justeru itu serunya, anak-anak wajib berbakti kepada kedua ibu bapa dengan menjaga serta menyantuni keperluan mereka terutama ketika usia tua.

“Atas dasar itulah Kerajaan Negeri Kelantan memperuntuk-



kan beberapa seksyen berkaitan kebijakan ibu bapa dalam Rang Undang-Undang (RUU) Keluarga Islam 2025.

“Seksyen 58 berkait kuasa Mahkamah untuk memerintahkan pembayaran nafkah kepada ibu bapa dan leluhur, manakala Seksyen 88 pula bersabit penjagaan

ibu bapa oleh anak dan pewaris,” jelasnya.

Selain itu Enakmen Kanun Jenayah Syariah (I) 2019 melalui Seksyen 33 turut memperuntukkan larangan terhadap perbuatan menderhaka kepada ibu bapa.

Menurutnya, langkah itu menunjukkan keprihatinan Kera-

jaan Kelantan dalam memperkukuhkan institusi kekeluargaan menerusi dasar Penghayatan Membangun Bersama Islam (PMBI).

Katanya lagi, institusi keluarga yang kukuh mampu memberi kesan positif kepada pembangunan akhlak anak-anak sekali gus melahirkan masyarakat yang lebih baik dan berbudi pekerti.

“Secara tidak langsung akan memberikan impak kepada pembentukan sosial masyarakat yang lebih baik dan berbudi pekerti, jauh daripada jenayah dan penyelewengan,” ujarinya.

Mengulas sambutan Hari Ibu, YB Mohd Asri berkata penghargaan terhadap ibu tidak seharusnya terbatas kepada sambutan bulanan atau tahunan semata-mata.

Sebaliknya, kasih sayang terhadap ibu dan bapa perlu dizahirkan setiap masa sepanjang hayat anak-anak.

“Kasih Ayah Sepanjang Masa, Kasih Ibu Membawa Ke Syurga,” katanya.

Hormati institusi diraja, elak polemik terbuka – Dato’ Mohd Amar



Oleh: Syamimi Manah

KOTA DARULNAIM, 9 Mei — Speaker Dewan Negeri (DUN) Kelantan YB Dato’ Sri Amar Diraja Dato’ (Dr.) Mohd Amar Abdullah menegaskan setiap pihak perlu menangani perbezaan pandangan melibatkan institusi diraja dan kerajaan secara lebih beradab demi menjaga keharmonian negara.

Beliau berkata, Malaysia dibina atas kerangka Raja Berperlembagaan dan prinsip “Kesetiaan kepada Raja dan Negara” dalam Rukun Negara menjadi asas pent-

ing kepada kestabilan hubungan dalam kehidupan bernegara.

Menurutnya, setiap negeri sememangnya mahu diberikan perhatian yang saksama demi kemajuan negeri masing-masing, selaras dengan semangat sebuah negara Persekutuan.

“Adat diisi janji dilabuh, baru teguh sendi negeri.

Begitu juga dalam isu berkaitan kemaslahatan negeri. Saya percaya tidak ada mana-mana negeri Melayu Islam yang mahu dikenali sebagai hab industri babi berskala besar di rantau ini.

Perkara ini melibatkan identiti negeri dan sensitiviti masyarakat,” katanya menerusi laman rasmi, hari ini.

Beliau turut memberi contoh Singapura yang telah menamatkan sepenuhnya industri penternakan babi sejak tahun 1989 dan mendapatkan bekalan melalui import dari luar negara.

Dalam pada itu, beliau melahirkkan kebimbangan apabila

pandangan institusi diraja mula diperdebatkan secara terbuka sehingga memerlukan kenyataan susulan bagi memperjelaskan pendirian.

Tambahnya, budaya sedemikian tidak wajar dibiarkan dalam negara yang meletakkan institusi diraja sebagai payung perpaduan rakyat.

“Perbezaan pandangan sepatutnya diurus dengan penuh hikmah, bukan dijadikan polemik awam.

“Tegak rumah kerana sendi, rosak sendi rumah binasa,” jelas-

ya.

Dato’ Mohd Amar berharap semua pihak memberi perhatian serius terhadap perkara tersebut dan mengelakkan budaya menjawab secara terbuka terhadap pandangan institusi diraja daripada terus dinormalisasikan.

“Jika budaya menjawab secara terbuka terhadap pandangan institusi diraja terus dinormalisasikan, saya bimbang semangat menghormati institusi diraja akan semakin terhakis dalam jiwa masyarakat,” ujarinya.



Kasih ibu tiada penghujung, pengorbanan diraikan setiap hari - Dato' Rohani



Oleh: Syamimi Manah

KOTA DARULNAIM, 10 Mei – Kasih sayang dan pengorbanan seorang ibu tidak pernah berpenghujung malah wajar dihargai setiap hari, bukan hanya sempena sambutan Hari Ibu semata-mata.

Exco Kebajikan, Pembangunan Keluarga dan Wanita YB Dato' Rohani Ibrahim berkata, ibu merupakan insan yang sentiasa berkorban demi keluarga tanpa mengenal penat lelah serta tidak pernah mengharap balasan.

Menurutnya, pengorbanan seorang ibu setiap hari tanpa cuti, tanpa gaji dan tanpa henti demi memastikan kebahagiaan anak-anak terus terpelihara.

"Hari Ibu bukan sehari. Ia berlaku setiap hari, tanpa cuti, tanpa gaji, tanpa henti.

Pada saat dunia tidur, ibu berjaga. Pada saat semua penat, ibu tetap kuat. Air mata disembunyi, senyuman diberi demi anak-anak,"

katanya menerusi laman rasmi, hari ini.

Beliau berkata, kasih sayang seorang ibu menjadi kekuatan besar dalam kehidupan anak-anak sehingga ramai yang masih mampu menikmati kehidupan dengan penuh kasih dan perhatian hasil doa yang tidak pernah putus daripada seorang ibu.

"Kalau hari ini kita masih bernyawa dengan kasih, itu kerana ada seorang wanita yang tak pernah berhenti berdoa untuk kita. Hargai ibu hari ini. Esok belum tentu milik kita," ujarnya.

Dalam pada itu, Dato' Rohani Ibrahim turut mendoakan agar setiap pengorbanan insan bergelar ibu dikurniakan ganjaran terbaik di sisi Allah SWT serta terus dimuliakan atas jasa dan kasih sayang yang dicurahkan kepada keluarga.

"Semoga Allah SWT memulikan setiap pengorbanan seorang ibu dengan ganjaran syurga," katanya.

Kelantan teliti teknologi pusat data perkasa agenda digital negeri



Oleh: Syamimi Manah

KOTA DARULNAIM, 10 Mei – Kelantan meneliti teknologi pusat data dan infrastruktur digital moden dalam usaha memperkasa agenda digital negeri menerusi lawatan kerja ke TM Network Intelligence Centre (NIC) dan Klang Valley Data Centre (KVDC), Cyberjaya pada Jumaat.

Exco Pendidikan, Pengajian Tinggi, Teknologi Hijau, Digital

dan Inovasi YB Dato' Wan Roslan Wan Hamat berkata, lawatan tersebut memberi pendedahan berkaitan pengurusan rangkaian pintar, keselamatan data, sistem pemantauan operasi serta teknologi digital terkini yang menjadi pemacu utama pembangunan ekonomi digital negara.

Menurutnya, perkembangan pesat teknologi dan pengurusan data masa kini memerlukan negeri sentiasa bersedia untuk menyesuaikan

diri dengan keperluan transformasi digital yang semakin berkembang.

"Lawatan ini membuka ruang kepada kerajaan negeri untuk memahami dengan lebih dekat pengoperasian pusat data dan sistem rangkaian pintar yang digunakan dalam pengurusan digital negara.

"Ia juga memberi nilai tambah kepada usaha memperkukuh agenda teknologi hijau, digital dan inovasi di Kelantan demi manfaat rak-

yat serta generasi masa hadapan," katanya menerusi laman rasmi, pada Jumaat.

Dalam lawatan itu, delegasi Kerajaan Negeri turut menerima taklimat berkaitan operasi rangkaian, pengurusan pusat data dan infrastruktur digital TM yang disampaikan oleh Pengurus Besar TM One Ahmad Nazri Ambi.

Rombongan turut dibawa melawat pusat data serta beberapa fasiliti utama lain bagi meninjau sendiri sistem operasi dan teknologi yang digunakan termasuk aspek keselamatan siber serta pembangunan ekosistem digital negara.

Turut hadir, Pengarah Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN) Wan Zulfadhli Syahman Wan Yusof, Pengarah Yayasan Islam Kelantan (YIK) Shamsul Abu Bakar, Pengurus Besar Kelantan ICT Gateway Sdn. Bhd. Zainul Amin Mat Zin serta wakil Bahagian Teknologi Maklumat Negeri Kelantan.

Kadar sukses rawatan TB di Kelantan cecah 94.6 peratus, atasi sasaran nasional

Oleh: Asri Hamat

KOTA DARULNAIM, 10 Mei — Kelantan merekodkan kadar sukses rawatan tuberkulosis (TB) sebanyak 94.6 peratus pada tahun 2025, sekali gus melepasi sasaran ditetapkan iaitu 90 peratus, di samping mencatatkan penurunan tiga peratus kes tibi berbanding tahun sebelumnya.

Exco Kerajaan Tempatan, Perumahan, Kesihatan dan Alam Sekitar YB Hilmi Abdullah berkata, pencapaian tersebut membuktikan keberkesanan usaha berterusan sektor kesihatan negeri dalam pengesanan awal, rawatan serta pemantauan pesakit TB.

Menurutnya, sebanyak 999 kes tibi direkodkan di Kelantan sepanjang tahun lalu.

“Semua daerah mencapai sasaran kadar sukses rawatan tuberkulosis melebihi 90 peratus bagi tahun 2025.

Jumlah kematian akibat tibi di Kelantan pada tahun 2025 pula ialah 106 kes, menunjukkan penurunan sebanyak tujuh peratus berbanding tahun sebelumnya,” katanya menerusi media sosial,



pada Khamis.

Terdahulu, beliau merasmikan Sambutan Hari Tibi Sedunia 2026 Peringkat Negeri Kelantan di Data-ran Kemahkotaan, Machang.

Menurutnya, sambutan bertema “Yes! We Can End TB: Led by Countries. Powered by People” itu bertujuan meningkatkan kesedaran masyarakat mengenai penyakit tuberkulosis sempena memperingati penemuan bakteria *Mycobacterium tuberculosis* oleh Dr Robert Koch.

Beliau berkata, penemuan tersebut menjadi titik penting dalam sejarah perubatan kerana membuktikan TB ialah penyakit berjangkit, bukannya berpunca daripada unsur mistik atau faktor keturunan.

“TB ialah antara penyakit berjangkit tertua dan paling berbahaya dalam sejarah manusia serta masih menjadi cabaran kesihatan dunia hingga kini,” katanya.

Beliau menjelaskan bahawa penyakit tersebut lazimnya menyerang paru-paru, namun boleh turut melibatkan organ lain seperti otak, tulang belakang, buah pinggang, usus, kulit dan kelenjar limfa.

Menurutnya, TB merebak melalui udara apabila pesakit TB paru-paru aktif batuk, bersin, bercakap atau meludah, dengan individu yang tinggal serumah, penghuni asrama, pekerja di ruang tertutup serta mereka yang mempunyai imuniti lemah berisiko tinggi

dijangkiti.

Antara gejala utama penyakit itu ialah batuk melebihi dua minggu, kahak berdarah, demam terutama pada waktu petang atau malam, berpeluh pada waktu malam, penurunan berat badan, hilang selera makan serta cepat letih.

Beliau turut menegaskan bahawa TB tidak boleh disembuhkan melalui rawatan herba atau alternatif semata-mata.

“Rawatan utama TB ialah kombinasi antibiotik khas selama enam bulan atau lebih,” katanya.

Untuk rekod, Malaysia mencatat 26,672 kes baharu tibi pada tahun 2025 dengan kadar insiden 78 pesakit bagi setiap 100,000 penduduk.

Kelantan hasilkan 100 tan jagung bijian untuk ternakan



Oleh: Irham Hilmi Hashim

JELI, 12 Mei — Projek tanaman jagung bijian dan penghasilan silaj daripada batang jagung di Mukim Jeli Tepi Sungai yang dilaksanakan di bawah Projek Pembangunan Tanah Terbiar dijangka mampu menghasilkan sekurang-kurangnya 100 tan jagung bijian setiap musim sebagai sumber bahan mentah utama makanan ternakan.

Exco Pertanian, Industri Agro-

makanan dan Komoditi YB Dato’ Tuan Mohd Saripudin Tuan Ismail berkata, projek seluas 50 ekar itu dilaksanakan melalui kerjasama antara Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan bersama Kerajaan Negeri Kelantan menerusi Darulnaim Agro Management Industries Sdn. Bhd. (DAMAI).

Menurutnya, hasil pengeluaran sebanyak 100 tan jagung bijian setiap musim merupakan antara nilai paling penting dalam projek berke-

naan kerana ia menyumbang secara langsung kepada bekalan makanan ternakan ruminan dan unggas.

“Projek ini bukan sahaja memberi fokus kepada pengeluaran jagung bijian, malah turut melibatkan penghasilan silaj daripada batang jagung sebagai sumber makanan ternakan,” katanya ketika meninjau perkembangan projek tersebut, di sini, hari ini.

Menurutnya, usaha ini amat signifikan dalam mengurang-

kan kebergantungan negara terhadap import bahan dedak, sekali gus membantu menstabilkan kos makanan ternakan serta memperkukuh agenda keterjaminan makanan negara.

Tambahnya, projek berkenaan turut dilihat sebagai antara pendekatan terbaik dalam memanfaatkan tanah terbiar secara lebih produktif melalui pembangunan pertanian moden.

Beliau turut berharap pelaksanaan projek tersebut akan terus diperkasakan dan menjadi model pembangunan pertanian yang memberi manfaat besar kepada rakyat Kelantan.

Lawatan kerja tersebut turut disertai Pengurus Besar Darulnaim Agro Management Industries Sdn. Bhd. (DAMAI) YM Tuan Muhammad Faizal Tuan Sulaiman serta Ahli Lembaga Pengarah syarikat berkenaan.

PKPNK hasilkan 1.5 tan udang putih setiap pusingan ternakan

Oleh: Syamimi Manah

TUMPAT, 11 Mei — Projek ternakan udang putih di Pantai Geting kendalian Perbadanan Kemajuan Pertanian Negeri Kelantan (PKPNK) terus menunjukkan perkembangan memberangsangkan apabila berjaya menghasilkan kira-kira 1.5 tan udang bagi setiap pusingan ternakan menerusi 30 kolam yang diusahakan secara berperingkat.

Exco Pertanian, Industri Agromakanan dan Komoditi YB Dato' Tuan Mohd Saripudin Tuan Ismail berkata, projek kerjasama antara PKPNK dan syarikat FZ Farm itu kini memasuki pusingan ketiga ternakan serta hampir mencapai kapasiti maksimum pengeluaran.

Beliau berkata demikian ketika mengadakan lawatan ke projek berkenaan hari ini yang turut diiringi Ketua Pegawai Eksekutif PKPNK Nik Razak Nik Hassan.

Menurutnya, permintaan terhadap udang putih berkenaan kekal tinggi dengan pasaran meliputi restoran, pengguna tempatan serta pembekal umpan memancing.

“Permintaan terhadap udang



putih ini sangat tinggi sehingga pasaran tempatan sendiri masih tidak mencukupi.

“Alhamdulillah, projek ini menunjukkan perkembangan yang baik dan kerajaan negeri bercadang memperluaskan kawasan ternakan daripada tiga ekar kepada tujuh ekar,” katanya.

Beliau juga memaklumkan bahawa peluasan kawasan ternakan itu dijangka meningkatkan kapasiti pengeluaran sekali gus menyokong agenda keterjaminan makanan negeri serta memperkukuh industri akuakultur tempatan.

Dalam masa sama, lokasi ternakan tersebut turut dijadikan pusat

latihan kepada golongan belia dan usahawan muda yang berminat menceburi bidang akuakultur.

Katanya lagi, pengusaha projek memiliki pengalaman luas dalam industri penternakan selain terus menambah baik fasiliti termasuk akses jalan, bekalan elektrik dan sistem sokongan lain bagi memastikan operasi berjalan lebih efisien.

Dalam perkembangan berkaitan, beliau memaklumkan kerajaan negeri turut membangunkan projek ternakan udang berskala besar di Tok Bali menerusi kerjasama antara PKPNK dan sebuah syarikat swasta.

“Kita amat menggalakkan lebih

ramai pengusaha baharu menyertai industri ini, namun mereka perlu mempunyai ilmu dan latihan mencukupi supaya projek dapat dijalankan secara berterusan.

“Kerajaan negeri juga bersedia membantu pengusaha yang benar-benar bersedia berdasarkan penilaian dan keperluan projek,” jelasnya.

Beliau optimis perkembangan positif projek ternakan udang putih di Pantai Geting itu berpotensi menjadi pemangkin baharu kepada pembangunan industri agromakanan negeri, di samping membuka peluang ekonomi kepada komuniti setempat.

Empat mangsa ribut terima sumbangan Tabung Serambi Mekah



Oleh: Irham Hilmi Hashim

MACHANG, 11 Mei — Sejumlah empat mangsa ribut dalam Dewan Negeri (DUN) Kemuning menerima bantuan daripada Tabung Serambi Mekah menerusi satu majlis penyampaian yang berlangsung di Pusat Khidmat DUN Kemuning, di

sini, semalam.

Ahli Dewan Negeri (ADN) Kemuning Ahmad Zakhran Mat Noor berkata, bantuan tersebut merupakan manifestasi keprihatinan berterusan Kerajaan Negeri Kelantan dalam menjaga kebajikan rakyat yang ditimpa musibah.

Menurutnya, Tabung Serambi Mekah yang diperkenalkan sejak tahun 1991 menjadi antara medium penting kerajaan negeri dalam menyalurkan bantuan kepada rakyat yang memerlukan tanpa mengira kaum dan agama.

“Tabung Serambi Mekah

diperkenalkan bersempena gelaran Kelantan sebagai Serambi Mekah dan menjadi simbol kepada konsep Negeri Berkeadilan yang dibawa oleh kerajaan negeri.

“Ia juga ditubuhkan di bawah peruntukan Akta Kewangan 1957 sebagai langkah berstruktur untuk memperkukuh sistem kebajikan rakyat selaras dengan dasar Membangun Bersama Islam,” jelasnya.

Menurutnya lagi, sepanjang lebih tiga dekad pelaksanaannya, tabung berkenaan telah memberi manfaat kepada ribuan rakyat dan mencerminkan komitmen kerajaan negeri dalam memastikan kesejahteraan sosial rakyat terus dipelihara.

Tambahnya, pendekatan kebajikan yang dilaksanakan itu turut memperlihatkan nilai kemanusiaan dan kebersamaan yang sentiasa menjadi teras pentadbiran negeri Kelantan.

Pantai Geting, Tok Bali lokasi pembangunan ternakan udang negeri

Oleh: Syamimi Manah

TUMPAT, 11 Mei – Projek Penternakan udang putih di Pantai Geting, Tumpat dan Tok Bali, Pasir Puteh kini menjadi antara lokasi utama yang diberi perhatian dalam usaha memperkukuh pembangunan industri ternakan udang di Kelantan.

Ketua Pegawai Eksekutif PK-PNK Nik Razak Nik Hassan berkata, ketika ini hanya terdapat dua pusat ternakan udang utama di negeri ini iaitu projek ternakan udang putih di Pantai Geting kerjasama antara PKPNK dan syarikat FZ Farm serta projek di Tok Bali yang diusahakan menerusi kerjasama Perbadanan Kemajuan Iktisad Negeri Kelantan (PKINK) dengan sebuah syarikat swasta.

Menurutnya, kedua-dua projek berkenaan mempunyai potensi besar untuk terus dikembangkan bagi memenuhi permintaan pasaran yang semakin meningkat.

“PKPNK memantau projek di Pantai Geting sejak dari awal lagi dan kita mahu melihat projek ini terus berkembang serta diperbesar-



kan.

“Setiap minggu kita akan menghantar pegawai untuk memantau operasi dan membantu memastikan pengurusan ternakan berjalan dengan baik,” katanya ketika lawatan ke projek ternakan udang putih di Pantai Geting, hari ini.

Menurutnya lagi, industri ternakan udang putih mampu menjadi sumber ekonomi baharu negeri selain membuka peluang pekerjaan kepada masyarakat setempat dan golongan belia.

Tambahnya, pembangunan industri akuakultur memerlukan pengurusan yang teliti terutama

melibatkan sistem air, oksigen dan penyelenggaraan kolam bagi memastikan hasil ternakan berada pada tahap berkualiti.

Sementara itu, pengusaha bersama projek ternakan udang putih Pantai Geting Zainal Abidin Derani, 63, berkata, beliau telah mempunyai pengalaman dalam bidang penternakan sejak tujuh tahun lalu selepas sebelum ini terlibat dalam ternakan ikan kerapu di Langkawi.

Beliau menjelaskan, projek tersebut kini mempunyai 32 sangkar utama dan 10 kolam asuhan benih dengan jumlah pelaburan hampir RM500,000.

“Kita bermula dengan dua pekerja sahaja dan sekarang sudah ada lapan pekerja yang menguruskan penjagaan air, oksigen, elektrik dan makanan.

“Satu kolam boleh menghasilkan kira-kira 350 kilogram udang dan dijual sekitar RM25 sekilogram,” ujarnya.

Menurutnya lagi, penternakan udang putih memerlukan ilmu dan pemantauan berterusan terutama membabitkan empat aspek utama iaitu air, suhu, tahap pH dan oksigen bagi memastikan udang membesar dengan baik serta mencapai kualiti pasaran.



16 pelajar khatam al-Quran Talaqqi Online Pusat Tarannum Kelantan



Oleh: Asri Hamat

KOTA DARULNAIM, 12 Mei – Sebanyak 16 pelajar berjaya mengkhatam al-Quran menerusi kelas Pengajian Talaqqi Online Pusat Tarannum al-Quran Negeri Kelantan 2026.

Exco Pembangunan Islam, Dakwah, Penerangan dan Hubungan Seranta YB Mohd Asri Mat Daud berkata daripada jumlah itu, seorang peserta adalah dari Selangor.

Beliau berkata, lima lagi peserta menerima sanad khas pengajian

secara bersemuka bersama Syeikh Qurra' Kelantan Syeikh Hisham Abdul Bari Mohamed Rageh, menjadikan keseluruhan pelajar yang khatam sebanyak 21 orang.

Katanya, Pengajian Talaqqi Musyafahah tersebut bermula pada 16 Julai 2025 dan berakhir pada 22 April lalu serta menjadi antara keutamaan kerajaan negeri dalam memperkasakan pengajian al-Quran.

“Pengajian Talaqqi Musyafahah ini akan terus menjadi keutamaan Kerajaan Negeri Kelantan

dan insya Allah akan diperlebarakan ke seluruh agensi dan jabatan kerajaan,” katanya menerusi media sosial, pada Isnin.

Menurutnya lagi, Pusat Tarannum al-Quran Negeri Kelantan juga akan menawarkan pengajian kepada peserta peringkat antarabangsa pada tahun ini.

Terdahulu, beliau merasmikan Majlis Khatam al-Quran Pengajian Talaqqi Online Pusat Tarannum al-Quran Kelantan 2026 di Dewan Saidina Abu Bakar, Kompleks Islam Darulnaim, Kota Bharu, semalam.

Turut hadir dalam majlis perasmian tersebut, Ketua Hakim Syarie Negeri Dato' Ibrahim Deris, Pengerusi Pertubuhan Akademi al-Quran Bandaraya Islam YB Dato' Abdul Fatah Mahmood, Timbalan Mufti Kelantan YB Dato' Biji Sura Dato' Nik Abdul Kadir Nik Mohamad, Pengarah Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Kelantan (JAHEAIK) merangkap Pengerusi Pusat Tarannum Dr Hasnan Ramli, Pengarah Jabatan Pendakwaan Syariah Mohd Hafiz Daud dan Ketua Pengelola Halaqat Mohd Alwee Yusoff.



Harum Manis Klate tanaman alternatif di Melawi

Oleh: Norzana Razaly

BACHOK, 12 Mei — Tanaman Harum Manis Klate atau Al-Falah kini muncul sebagai alternatif baharu kepada tanaman tembakau dan ubi kayu di Mukim Kuala Re kang, Melawi.

Projek komuniti yang digerakkan Kerajaan Negeri Kelantan itu menunjukkan perkembangan positif dengan penyertaan peserta baharu serta hasil tuaian yang membe rangsangkan.

Exco Pertanian, Industri Agromakanan dan Komoditi Negeri YB Dato' Tuan Mohd Saripudin Tuan Ismail berkata, projek yang memasuki tahun ketiga bagi peserta baharu itu melibatkan 10 peserta komuniti yang dibekalkan 100 anak benih pokok mempelam varieti induk Harumanis Perlis setiap seorang untuk diusahakan di kawasan seluas kira-kira seekar.

Menurutnya, inisiatif tersebut merupakan sebahagian usaha kerajaan negeri memperkenalkan tanaman alternatif bernilai tinggi bagi meningkatkan pendapatan penduduk setempat.

“Kita sudah ada 10 peserta yang tanamannya telah berbuah dan mengeluarkan hasil daripada pokok berusia enam hingga tujuh tahun. Kini kita ada 10 peserta baharu. 50 lagi peserta baharu sedang dicari untuk mengusahakannya kerana kita mahu jadikan Melawi sebagai Zon Harum Manis Klate.

“Keseluruhannya, pokok Harum Manis Klate yang ditanam di sekitar kawasan ini mencecah kira-



kira 3,000 pokok,” katanya ketika mengadakan lawatan ke kebun peserta, semalam.

Terdahulu, Kerajaan Negeri Kelantan memperuntukkan sebanyak RM120,000 bagi memperkukuh pembangunan Projek Komuniti Tanaman Mangga Harum Manis Al-Falah.

Program itu melibatkan komuniti Mukim Kuala Re kang, Melawi dengan penyertaan 10 peserta menerusi pendekatan mentor dan mentee, membabitkan lima penanam sedia ada serta lima peserta baharu.

Bantuan yang disalurkan merangkumi input pertanian termasuk penyediaan kawasan tanaman, 100 anak benih Harum Manis bagi setiap peserta, sistem pam air dan pengairan, selain kursus teknikal serta lawatan pembelajaran ke Perlis melalui kerjasama Jabatan Pertanian Kelantan dan Jabatan Pertanian Negeri Perlis.

Pada 25 Mei 2025, peserta turut dibawa ke Perlis bagi mengikuti

kursus tanaman Harumanis serta melawat beberapa ladang contoh bagi meningkatkan pengetahuan dan kemahiran pengurusan tanaman.

Menurut Dato' Mohd Saripudin, projek yang kini memasuki tahun kelima secara keseluruhan memperlihatkan perkembangan memberangsangkan apabila sebahagian pokok mula mengeluarkan hasil.

Sementara itu, salah seorang peserta, Zunaidah Teh, 61, menzahirkan penghargaan kepada Kerajaan Negeri atas bantuan input pertanian, anak benih serta peluang mengikuti kursus berkaitan.

“Saya mengusahakan tanaman Harum Manis Klate sebanyak 45 pokok dan berjaya menuai hasil kira-kira satu tan.

“Asalnya saya menanam tembakau. Selepas tanah terbiar begitu lama, saya cuba pula tanam Harum Manis Klate. Alhamdulillah, berkat mengikuti kursus anjuran KPKB

“

Perkembangan projek tersebut dilihat berpotensi membuka lembaran baharu sektor agromakanan negeri, sekali gus menjadikan Melawi di DUN Pantai Irama ini sebagai hab Harum Manis Klate yang bernilai tinggi dan mampu memperkukuh ekonomi komuniti luar bandar”

dan mematuhi tunjuk ajar pegawai pertanian Bachok, tanah terbiar kini bertukar menjadi ladang pauh,” katanya ketika ditemui di lokasi, pada Isnin.

Sehubungan itu, Ahli Dewan Negeri Pantai Irama YB Mohd Huzaimy Che Husin menzahirkan ucapan tahniah atas kejayaan para peserta sekali gus menaikkan nama Melawi sebagai lokasi Harum Manis terbesar di Kelantan.

Beliau memaklumkan bahawa pihaknya mengambil inisiatif melancarkan jalan masuk ke kebun bagi kemudahan peserta dan pembeli untuk sesi jualan ladang dibuka pada 16 Mei depan.

“Perkembangan projek tersebut dilihat berpotensi membuka lembaran baharu sektor agromakanan negeri, sekali gus menjadikan Melawi di DUN Pantai Irama ini sebagai hab Harum Manis Klate yang bernilai tinggi dan mampu memperkukuh ekonomi komuniti luar bandar,” ujarnya.



Projek paip 1.6 km beri manfaat kepada 707 pengguna di Gua Musang

Oleh: Syamimi Manah

KOTA DARULNAIM, 12 Mei – Kerja-kerja penukaran dan pemasangan paip baharu sepanjang 1.6 kilometer di Kampung Tanah Putih, Gua Musang pada Ahad lalu dijangka memberi manfaat kepada 707 akaun pengguna apabila sistem agihan air di kawasan berkenaan semakin stabil dan efisien.

Projek yang dilaksanakan oleh Air Kelantan Sdn. Bhd. (AKSB) itu merupakan sebahagian daripada usaha berterusan kerajaan negeri dalam memperkukuh infrastruktur bekalan air serta mengurangkan kadar Non-Revenue Water (NRW) atau Air Tidak Terhasil.

Exco Kerjaraya, Infrastruktur Air dan Pembangunan Luar Bandar YB Dato' Dr Izani Husin berkata, projek berkenaan melibatkan



pemasangan paip UPVC bersaiz 6 inci (150 milimeter) bagi menggantikan paip lama yang kerap mengalami masalah pecah dan kebocoran.

Menurutnya, keadaan paip lama sebelum ini turut menjejaskan kestabilan bekalan air khususnya kepada penduduk di kawasan tinggi dan penghujung sistem agihan.

“Kerja-kerja penukaran ini

dilaksanakan bagi memastikan tekanan air lebih stabil dan agihan lebih efisien kepada pengguna,” katanya menerusi di laman rasmi, hari ini.

Menurutnya, projek berkenaan kini berada pada peringkat pelaksanaan dan dijadual siap sepenuhnya pada 25 Mei ini.

Katanya lagi, apabila siap kelak, ia akan meningkatkan kecekapan

sistem agihan air sekali gus memberi keselesaan kepada 707 akaun pengguna di kawasan terbabit.

“Kerajaan negeri melalui AKSB terus komited melaksanakan pelbagai projek naik taraf infrastruktur air secara berperingkat bagi memastikan bekalan air bersih dapat disalurkan dengan lebih baik kepada rakyat, khususnya di kawasan luar bandar” ujarnya.

Lapan persatuan bukan Islam di Kelantan terima sumbangan kerajaan negeri



Oleh: Asri Hamat

KOTA DARULNAIM, 13 Mei - Sebanyak lapan persatuan bukan Islam menerima sumbangan daripada Kerajaan Negeri Kelantan yang disampaikan Exco Belia, Sukan, NGO dan Perpaduan Masyarakat YB Zamakhshari Mohamad di Bilik Mesyuarat Exco, Mabna Kompleks Kota Darulnaim di sini, hari ini.

Badan bukan kerajaan (NGO) terbabit ialah Persatuan Ching Kang Kelantan, Persatuan Yitlan Gua Musang, Persatuan Siam Kelantan, Gabungan Pertubuhan Tiong Hwa Kelantan, Tin Hing Kong Building Fund, Persatuan Peranakan Cina Kelantan, Persatuan Hainan Kelantan dan Pertubu-

han Penganut Sri Maha Kaliaman Ayalam.

Semua persatuan berkenaan menerima sumbangan antara RM3,000 hingga RM10,000.

YB Zamakhshari berkata, sumbangan itu adalah sebahagian daripada peruntukan kerajaan negeri di bawah perpaduan masyarakat bagi membantu pelbagai persatuan selain Melayu.

Menurutnya, bantuan berkenaan bertujuan menyediakan kemudahan dan keceriaan di rumah ibadah seperti pagar, bilik air serta kerja penyelenggaraan pejabat persatuan, pelaksanaan program pemimpin bersama rakyat dan sebagainya.

“Sumbangan ini sebagai tanda kebersamaan kerajaan negeri da-

lam isu yang melibatkan pelbagai kaum.

“Ia membuktikan kerajaan negeri Kelantan tidak pernah menindas kaum lain serta tidak menghalang mereka untuk menjalankan aktiviti seperti yang didakwa pihak tertentu,” jelasnya dalam majlis tersebut.

Tambahnya, masyarakat bukan Islam di Kelantan bukan sahaja bebas menjalankan aktiviti yang tidak menyalahi undang-undang, malah turut menerima bantuan daripada kerajaan negeri.

“Segala tohmahan yang mengatakan masyarakat bukan Islam di Kelantan ditindas adalah tidak benar.

“Saya juga meminta kerjasama

semua pihak untuk menyebarkan kepada rakan persatuan di negeri lain bahawa kerajaan negeri Kelantan tidak menindas masyarakat bukan Islam, bahkan memberi bantuan demi mengekalkan keamanan dan kebersamaan di Kelantan,” katanya.

Menurutnya lagi, kerajaan negeri mahu menjadikan Kelantan sebagai model perpaduan yang menunjukkan hubungan harmoni antara kaum.

“Semoga selepas ini hubungan antara kerajaan dengan pelbagai komuniti akan menjadi lebih rapat dan saling memahami antara satu sama lain serta dapat terus bekerjasama untuk memajukan Kelantan,” ujarnya.



TMB Kelantan ziarah mangsa kemalangan empat bersaudara, nasihat pengguna jalan raya lebih berhati-hati

Oleh: Asri Hamat

KOTA DARULNAIM, 13 Mei — Timbalan Menteri Besar Kelantan YB Dato' Dr Mohamed Fadzli Dato' Hassan menziarahi empat bersaudara yang terlibat dalam kemalangan jalan raya di Wad Keceemasan, Hospital Machang, Isnin lalu, sambil menzahirkan keprihatinan terhadap nasib keluarga mangsa.

Dalam lawatan tersebut, beliau turut menasihati semua pengguna jalan raya agar sentiasa mengutamakan keselamatan dan mematuhi peraturan bagi mengelakkan kejadian tidak diingini.

“Semua pengguna jalan raya hendaklah sentiasa mematuhi peraturan, ambil langkah-langkah keselamatan, menunggang motosikal dan memandu kenderaan dengan berhemah dan berhati-hati,” ka-



tanya menerusi media sosial, pada Selasa.

Beliau berkata, suasana pilu menyelubungi ahli keluarga serta sanak saudara mangsa ketika kunjungan ke wad kecemasan hospital berkenaan pada pagi Isnin.

“Saya turut mendoakan agar semua mangsa diberikan kesembuhan segera dan dipermudahkan segala urusan keluarga yang sedang melalui ujian berat ini,” katanya.

Terdahulu, media melaporkan

empat bersaudara yang dalam perjalanan ke sekolah cedera parah selepas motosikal dinaiki mereka bertembung dengan sebuah kereta di Kilometer 51.4 Jalan Kota Bharu-Kuala Krai berhampiran Kampung Pek, pada Isnin.

Dalam kejadian kira-kira pukul 7 pagi itu, pelajar tingkatan dua Sekolah Menengah Kebangsaan Seri Intan, Muhammad Muskir Rosli bersama tiga pembonceng iaitu Mas Siti Rosnani Rosli, 7, Muham-



ad Hakikat Abdul Rahman, 9 dan Muhammad Zulhaqif Muhamad Zulkifli, 12, yang masing-masing bersekolah di Sekolah Kebangsaan Kampung Pek mengalami kecederaan parah.

Menurut laporan media, seorang mangsa, Mas Siti Rosnani yang mengalami kecederaan serius terpaksa menjalani pembedahan pemotongan kaki kanan hingga ke paras paha bagi mengelakkan komplikasi lebih serius.

Awesome Festival Kota Bharu dijangka rancakkan ekonomi belia, usahawan tempatan



Oleh: Irham Hilmi Hashim

KOTA BHARU, 13 Mei — Pengumuman Awesome Festival Kota Bharu dijangka menjadi pemangkin kepada kerancakan pertumbuhan ekonomi belia dan usahawan tempatan menerusi penglibatan sektor makanan, produk kreatif, pelancongan serta perusahaan kecil dan sederhana di negeri ini.

Ahli Dewan Negeri (ADN) Bunut Payong YB Shaari Mat Yaman berkata, festival yang dijadual berlangsung pada 2 hingga 5 Jun depan di Lembah Sireh itu berpotensi membuka peluang pen-

dapatan baharu kepada golongan muda selain merancakkan aktiviti ekonomi setempat.

Menurutnya, Pusat Khidmat DUN (PKD) Bunut Payong sentiasa terbuka untuk bekerjasama dalam menjayakan program yang memberi manfaat langsung kepada masyarakat dan pembangunan ekonomi komuniti.

Beliau berkata demikian dalam satu kenyataan media susulan kunjungan Pengurus Awesome Festival Lokman Hakim Jazlan ke pejabat PKD Bunut Payong pada Selasa.



Katanya, pertemuan tersebut turut mencapai persetujuan kerjasama strategik bagi menjayakan pengumuman Awesome Festival Kota Bharu.

“Kerajaan negeri sentiasa menggalakkan golongan muda menceburi bidang pengurusan acara dan keusahawanan kerana ia mempunyai potensi besar dalam menjana pendapatan serta membuka peluang pekerjaan.

“PKD Bunut Payong juga bersedia berkongsi pengalaman dan maklumat berkaitan pengurusan perniagaan kepada anak muda

yang berminat dalam bidang tersebut,” jelasnya.

Sementara itu, Lokman memaklumkan bahawa Awesome Festival merupakan siri program jelajah yang memberi fokus kepada pembangunan ekonomi melalui sektor makanan, produk tempatan dan industri kreatif.

Menurutnya, festival tersebut menyediakan platform promosi dan jualan kepada usahawan tempatan serta berupaya memperluas capaian pasaran serta memperkukuh jenama produk tempatan.

“Ia juga diharapkan dapat membantu merancakkan industri pelancongan negeri melalui penglibatan penggiat makanan, kraftangan, seni kreatif dan kebudayaan,” katanya.

Tambahnya, Awesome Festival Kota Bharu menyediakan 60 tapak jualan dan menyasarkan penyer-taan 60 usahawan tempatan dengan anggaran kehadiran sebanyak 15,000 pengunjung sepanjang empat hari pengumuman.

Kelantan perkasa latihan pengasuh demi keselamatan dan kualiti taska



Oleh: Syamimi Manah

KOTABHARU, 13 Mei— Kerajaan Negeri Kelantan memberi penekanan berterusan terhadap pembangunan latihan pengasuh taska sebagai sebahagian usaha memperkukuh sistem penjagaan awal kanak-kanak yang lebih selamat, berkualiti dan tersusun di negeri ini.

Exco Kebajikan, Pembangunan Keluarga dan Wanita YB Dato' Rohani Ibrahim berkata, usaha tersebut penting bagi memastikan setiap pengasuh yang ditempatkan di pusat jagaan memiliki ilmu, kemahiran serta nilai yang betul dalam melaksanakan tanggungjawab mereka.

Beliau berkata demikian ketika merasmikan Majlis Graduasi Kursus Asas PERMATA (KAP) Kali Ke-2 2026 melibatkan 38 pelatih yang berlangsung di Kompleks Islam Jubli Perak Sultan Ismail Petra,

Sabtu lalu.

Beliau menegaskan bahawa aspek keselamatan kanak-kanak perlu diberi perhatian serius memandangkan perkembangan semasa menyaksikan ramai ibu bapa terpaksa menghantar anak ke pusat jagaan pada usia yang masih sangat kecil akibat tuntutan kerja dan ekonomi.

“Isu keselamatan kanak-kanak menjadi isu utama yang perlu kita usahakan secara bersama. Kita mahu anak-anak jagaan di premis dan rumah dijaga dengan baik dan selamat,” katanya.

Dalam masa sama, beliau berkata tajaan Kerajaan negeri terhadap program latihan tersebut mencerminkan komitmen berterusan dalam memastikan mendapat pengiktirafan rasmi di bawah Jabatan Kebajikan Masyarakat.

“Tajaan ini mencerminkan komitmen kerajaan negeri dalam memastikan taska mendapat pengiktirafan rasmi di bawah Jabatan Kebajikan Masyarakat.

“Usaha ini penting bagi menjamin kualiti asuhan dan pendidikan kanak-kanak, memenuhi keperluan perkembangan menyeluruh, serta memastikan aspek keselamatan dan kesejahteraan sentiasa terpelihara,” jelasnya.

Sehubungan itu, Dato' Rohani Ibrahim merakamkan penghargaan kepada semua pihak yang terlibat dalam menjayakan program latihan berkenaan termasuk Jabatan Kebajikan Masyarakat, para jurulatih Kursus Asas PERMATA, pengusaha TASKA serta pihak perunding dari Excellent Plan Consultancy and Management (Z) Sdn. Bhd.

Dalam pada itu, beliau berkata

kerajaan negeri telah melaksanakan Dasar Keluarga Mawaddah Negeri Kelantan (2010) serta Dasar Kanak-Kanak Fitrah Negeri Kelantan (2018) sebagai asas memperkukuh institusi keluarga dan pembangunan kanak-kanak.

Tambahnya, Buku Panduan Keluarga Mawaddah turut diperkenalkan sebagai rujukan kepada masyarakat dalam usaha membina keluarga yang harmoni dan sejahtera.

“Ini adalah pelaburan masa depan generasi kita. Jika kita uruskan dengan baik hari ini, Insya Allah akan lahir generasi yang lebih berkualiti pada masa akan datang,” jelasnya.

Beliau turut mengingatkan para pengasuh bahawa tugas yang dipikul merupakan satu amanah besar yang memerlukan keikhlasan, kesabaran serta komitmen tinggi dalam mendidik dan menjaga anak-anak kecil.

“Tugas mengasuh ini adalah amanah besar untuk generasi kita masa depan. Betul tindakan kita hari ini, baiklah masa depan kita akan datang. Dengan pengiktirafan ini, jadilah pengasuh yang terbaik kerana Allah. Saya doakan semua akan berjaya ke peringkat lebih baik dengan minat dan kemahiran yang sentiasa diperbaiki “ujarnya.

ADN Wakaf Bharu santuni petugas kesihatan sempena Hari Jururawat Sedunia

Oleh: Syamimi Manah

TUMPAT, 13 Mei — Ahli Dewan Negeri (ADN) Wakaf Bharu YB Mohd Rusli Abdullah menyantuni petugas kesihatan di lima klinik sekitar Wakaf Bharu sempena sambutan Hari Jururawat Sedunia sebagai tanda penghargaan terhadap jasa dan pengorbanan golongan itu dalam menjaga kebajikan masyarakat.

Kunjungan penghargaan yang diadakan semalam melibatkan Klinik Kesihatan Wakaf Bharu, Klinik Desa Kampung Delima, Klinik Desa Kampung Padang Mandol, Klinik Desa Kampung Bunut Sarang Burung serta Klinik Desa Kampung Padang Rokma.

YB Mohd Rusli berkata, lawatan tersebut bertujuan menghargai



komitmen dan dedikasi jururawat yang sentiasa berada di barisan hadapan dalam memberikan perkhidmatan kesihatan terbaik kepada rakyat.

“Sedikit kek tanda ingatan disampaikan sebagai penghargaan kepada mereka yang sentiasa kuat dan sabar menjaga rakyat setiap hari.

“Terima kasih seluruh jururawat

atas jasa dan pengorbanan kalian. Selamat Hari Jururawat Sedunia,” katanya menerusi laman rasmi, semalam.

Dalam kunjungan itu, beliau turut menyampaikan buah tangan kepada petugas kesihatan sebagai simbol penghargaan terhadap peranan besar mereka dalam memastikan kesejahteraan dan kesihatan

masyarakat terus terpelihara.

Untuk rekod, sambutan Hari Jururawat Sedunia diraikan pada 12 Mei setiap tahun bagi mengiktiraf sumbangan jururawat sebagai antara tonggak utama sistem perkhidmatan kesihatan negara, khususnya dalam menyampaikan rawatan dan penjagaan kesihatan kepada masyarakat di pelbagai peringkat

AKSB pulih gangguan bekalan air libatkan lebih 2,000 akaun pengguna di Kota Bharu

Oleh: Syamimi Manah

KOTA BHARU, 12 Mei – Air Kelantan Sdn Bhd (AKSB) sedang giat melaksanakan kerja pembaikan paip utama pecah di beberapa lokasi sekitar daerah ini bagi memastikan bekalan air kepada pengguna kembali pulih secepat mungkin.

Menurut kenyataan AKSB, kerja membaiki paip utama pecah saiz 300 milimeter (12 inci) jenis asbestos cement (AC) di Jalan Telipot sedang dijalankan dan dijangka siap sepenuhnya, hari ini.

Gangguan bekalan air itu membabitkan kira-kira 1,200 akaun pengguna sekitar Kota Bharu.

“Kawasan terlibat dengan gangguan air adalah Telipot, Jalan Raja



Dewa, Lundang, Paya Senang dan kawasan sekitar melibatkan 1,200 akaun pengguna” katanya.

AKSB memaklumkan bekalan air dijangka pulih secara berperingkat selepas kerja pembaikan selesai dilaksanakan.

Dalam perkembangan berkaitan, AKSB turut memaklumkan


kerja membaiki paip utama pecah saiz 250 milimeter jenis AC berhampiran Masjid Sultan Mansor, Kampung Sireh yang pecah pada pukul 10 malam semalam telah siap dibaiki pada pukul 6 pagi tadi.

“Kawasan yang terlibat adalah Kampung Sireh, Lembah Sireh, Laluan Belakang SUK, Kampung

Limau Manis, Jalan Hamzah dan kawasan sekitar membabitkan 850 akaun pengguna” ujarnya.

Sehubungan itu, AKSB menyeru pengguna yang mempunyai sebarang aduan berkaitan bekalan air untuk menghubungi talian 15777 (PINTAS Careline) untuk tindakan lanjut.

Sokor lokasi strategik bina litar sukan lasak



Oleh: Asri Hamat

KOTA DARULNAIM, 12 Mei – Kawasan Sokor di Tanah Merah dikenal pasti sebagai lokasi strategik untuk pembangunan litar sukan lasak berikutan keunikan bentuk muka buminya yang mempunyai ketinggian semula jadi.

Exco Belia, Sukan, NGO dan Perpaduan Masyarakat YB Zamakhshari Mohamad berkata, ciri geografi di kawasan itu amat sesuai untuk dibangunkan sebagai litar yang mencabar dan kompetitif bagi para pelumba.

Menurutnya, kawasan berkenaan juga telah diwartakan secara

rasmil bagi tujuan pembangunan litar sukan lasak.

“Keunikan kawasan Sokor terletak pada bentuk muka buminya yang mempunyai ketinggian semula jadi atau ‘natural elevation’.

“Ciri geografi sebegini sebenarnya sangat strategik untuk kita bangunkan sebuah litar yang men-

cabar dan kompetitif buat para pelumba,” katanya menerusi media sosial, pada Isnin.

Terdahulu, beliau mengadakan lawatan kerja ke tapak kawasan terbabit semalam bagi meninjau sendiri keadaan lokasi serta menilai potensi sebenar struktur muka bumi di kawasan berkenaan.

Beliau menjelaskan bahawa projek pembinaan litar itu merupakan antara inisiatif kerajaan negeri dalam menyediakan platform alternatif yang lebih progresif kepada golongan belia.

Tambahnya, kerajaan mahu menyalurkan minat dan bakat anak muda ke arah yang lebih positif melalui penyediaan kemudahan sukan yang selamat dan terkawal.

“Melalui penyediaan litar yang selamat dan terkawal, risiko penglibatan anak muda dalam aktiviti tidak sihat di jalan raya dapat dikurangkan.

“Pada masa sama, mereka juga boleh mengasah kemahiran dalam persekitaran yang lebih profesional,” ujarnya.

Beliau turut menegaskan komitmen kerajaan negeri untuk memastikan kawasan berkenaan dimanfaatkan sepenuhnya demi pembangunan komuniti motorsikal lasak dan masa depan generasi muda.

Peniaga ikan Tok Bali kembali berniaga selepas terima sumbangan motosikal roda tiga baharu

Oleh: Syamimi Manah

PASIR PUTEH, 12 Mei - Seorang peniaga ikan di Tok Bali kini dapat kembali meneruskan perniagaan harian selepas menerima sumbangan sebuah motosikal roda tiga baharu daripada Ahli Dewan Negeri (ADN) Semerak YB Norsham Sulaiman, semalam.

Sumbangan tersebut diberikan kepada Abdul Fatah Yahaya, 66, yang sebelum ini terkesan apabila motosikal roda tiga milik keluarganya musnah dalam kejadian kebakaran, sekali gus menjejaskan sumber pendapatan utamanya sebagai peniaga ikan.

Menurut YB Norsham Sulaiman, kejadian kebakaran itu berlaku pada tahun 2025 ketika mangsa sedang menjalankan urusan jualan ikan di Lorong Peruma-



han Dahlia, Kampung Tekong Air Merah Kandis.

“Motosikal roda tiga baharu itu diserahkan sebagai usaha membantu beliau bangkit semula meneruskan aktiviti perniagaan di kawasan Tok Bali” katanya di laman rasmi, semalam.

Tambahnya, kenderaan berkenaan dilaporkan terbakar pada bahagian enjin sebelum api merebak

dengan cepat. Usaha memadamkan kebakaran gagal, menyebabkan keseluruhan kenderaan musnah.

Kejadian itu menyebabkan Abdul Fatah hilang punca pendapatan kerana motosikal tersebut merupakan aset utama untuk menjalankan perniagaan harian.

Susulan kejadian berkenaan, ADN Semerak menyalurkan sumbangan bagi membolehkan beliau

kembali berniaga dan menjana pendapatan seperti biasa.

“Alhamdulillah, dengan sumbangan ini membolehkan Encik Abdul Fatah meneruskan mata pencariannya semula,” ujarnya.

Beliau turut berharap bantuan tersebut dapat meringankan beban keluarga mangsa serta memberi semangat untuk terus bangkit selepas menghadapi ujian.

Inisiatif ADN Kemuning, Jalan Taman Tajuddin siap diturap



Oleh: Irham Hilmi Hashim

MACHANG, 12 Mei — Jalan di Taman Tajuddin dalam Mukim Bakat, Kemuning yang sebelum ini rosak teruk akibat banjir kini siap diturap hasil usaha dan tin-

dakan susulan Ahli Dewan Negeri (ADN) Kemuning YB Ahmad Zakhran Mat Noor bersama pihak berkaitan.

Tinjauan ke kawasan tersebut telah diadakan semalam bersama

Penghulu Mara Hishamudin bagi melihat sendiri keadaan jalan yang telah siap dinaik taraf demi kemudahan penduduk setempat.

Sehubungan itu, ADN Kemuning YB Ahmad Zakhran Mat Noor

berkata, permohonan menurap jalan bagi taman perumahan itu telah diangkat oleh pihak penghulu pada awal tahun selepas kerosakan serius berlaku susulan bencana banjir yang melanda kawasan berkenaan.

Menurutnya, kerja-kerja penurapan itu amat penting bagi memastikan keselamatan serta keselamatan pengguna jalan raya khususnya penduduk di Taman Tajuddin dan kawasan perumahan berhampiran.

“Semoga dengan siapnya jalan ini dapat memberi keselesaan kepada semua penduduk Taman Tajuddin serta taman-taman perumahan yang berdekatan insya Allah,” katanya.

Beliau turut menzahirkan penghargaan kepada semua pihak yang terlibat dalam menjayakan usaha penambahbaikan infrastruktur tersebut khususnya Kerajaan Negeri Kelantan yang menyalurkan peruntukan bagi melaksanakan kerja-kerja penurapan jalan demi kebajikan rakyat di kawasan DUN Kemuning.

68,000 pokok nanas inovasi agropreneur di Sungai Satan

Oleh: Syamimi Manah

KOTA DARULNAIM, 10 Mei – Sebanyak 68,000 pokok nanas yang ditanam di kawasan seluas empat ekar di Kampung Sungai Satan, Ayer Lanas, Jeli menjadi pemangkin kepada pembangunan inovasi agropreneur komuniti menerusi pelaksanaan Projek Pusat Transformasi Tuaian ketiga (Sisa Nanas).

Exco Pertanian, Industri Agromakanan dan Komoditi YB Dato' Tuan Mohd Saripudin Tuan Ismail berkata, projek tersebut merupakan antara inisiatif penting dalam memperkukuhkan sektor agropreneur komuniti serta meningkatkan nilai ekonomi penduduk setempat melalui pendekatan berasaskan inovasi dan nilai tambah hasil pertanian.

“Projek berkeluasan 4 ekar ini telah ditanam dengan sebanyak 68,000 pokok nanas sebagai antara usaha memperkukuhkan sektor agropreneur komuniti dan meningkatkan hasil ekonomi penduduk



setempat” katanya di laman rasmi, pada Khamis.

Menurutnya pelaksanaan Pusat Tulaian Sisa Nanas Ketiga di Sungai Satan itu memberi tumpuan kepada pengeluaran hasil segar dan turut menekankan pemanfaatan sisa nanas kepada produk hiliran yang lebih bernilai tinggi.

Beliau berkata demikian selepas meninjau perkembangan semasa projek berkenaan bersama Ahli Dewan Negeri (ADN) Ayer Lanas YB Datuk Kamarudin Md Nor serta pihak Koperasi Komuniti Prihatin Sungai Satan (KOMPAS), pada

Khamis.

“Projek ini membuktikan potensi besar industri nanas di Jeli untuk terus berkembang, bukan sahaja sebagai pengeluar hasil segar tetapi juga sebagai penggerak kepada industri hiliran yang lebih inovatif,” ujarnya.

Tambahnya, antara potensi yang sedang diteroka termasuk penghasilan makanan ternakan ruminan serta bongkah cendawan berasaskan sisa nanas, sekali gus mengurangkan pembaziran dan meningkatkan nilai tambah ekonomi tanaman tersebut.

Projek berkenaan turut mendapat sokongan dan bimbingan daripada Lembaga Perindustrian Nanas Malaysia Negeri Kelantan dengan kerjasama Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan dalam memperkukuhkan pembangunan industri nanas secara menyeluruh.

Menurutnya lagi, Ayer Lanas berpotensi menjadi perintis kepada penghasilan produk hiliran berasaskan nanas yang mampu memberi impak besar kepada ekonomi komuniti serta membuka lebih banyak peluang kepada agropreneur tempatan.

27 warga uzur disantuni ADN Pengkalan Kubor melalui SKC



Oleh: Asri Hamat

KOTA DARULNAIM, 10 Mei – Sebanyak 27 penduduk uzur di Dewan Negeri (DUN) Pengkalan Kubor disantuni Ahli Dewan Negeri (ADN) YB Dato' Wan Roslan

Wan Hamat menerusi program ziarah Skuad Kita Cakna (SKC) DUN Pengkalan Kubor.

Program ziarah tersebut melibatkan beberapa kawasan sekitar Mukim Tujoh, Kedai Geting, Get-

ing, Tebing, Ketil dan Tanjong.

YB Dato' Wan Roslan yang juga Exco Kerajaan Negeri Kelantan berkata, program ziarah berkenaan bertujuan menyantuni golongan memerlukan selain menyampaikan

sumbangan dan bertanya khabar khususnya kepada mereka yang sedang diuji masalah kesihatan.

Katanya, sepanjang program berlangsung, pelbagai kisah kehidupan masyarakat ditemui termasuk pesakit buah pinggang, Systemic Lupus Erythematosus (SLE), strok serta warga emas terlantar.

“Terdapat juga individu yang berdepan masalah kesihatan kronik dan memerlukan perhatian berterusan daripada ahli keluarga.

“Program ini juga turut memberi ruang kepada pihak terlibat melihat sendiri keadaan semasa penduduk serta mendengar keperluan mereka bagi tindakan susulan pada masa akan datang,” katanya menerusi media sosial, pada Sabtu.

Beliau turut berharap usaha menyantuni masyarakat seperti itu dapat diteruskan dalam memperkukuhkan hubungan silaturahim selain menyemai sikap prihatin terhadap golongan yang memerlukan perhatian dan bantuan.

YTK perantara kerajaan negeri dengan institusi pondok di Kelantan

Oleh: Asri Hamat

PASIR MAS, 10 Mei – Yayasan Amanah Tok Kenali (YTK) memainkan peranan sebagai perantara antara Kerajaan Negeri Kelantan dengan institusi pondok di seluruh negeri ini.

Pengarah YTK Zulqarnain Hassan berkata yaysan itu yang ditubuhkan oleh Allahyarham Tan Sri Dato' Bentara Setia Tuan Guru Dato' Nik Abdul Aziz Nik Mat bertujuan melaksanakan program pembangunan insan melalui pendidikan Islam dan usaha memperjuangkan agama.

Katanya, selaras dengan matlamat penubuhan itu, YTK memberi fokus kepada pondok-pondok di Kelantan dengan menyalurkan sumbangan selain menggalakkan pelbagai aktiviti dan program pembangunan ummah dilaksanakan.

“Selain pengajian kitab yang menjadi rutin harian, pondok juga digalakkan mengadakan program lain seperti perkhemahan dan kursus tertentu bagi membina kemahiran pelajar.



“Di samping mengaji kitab, pelajar juga perlu didedahkan dengan ilmu kepimpinan dan dakwah supaya dapat menyampaikan mesej Islam apabila keluar dari pondok nanti.”

Beliau berkata demikian ketika menyampaikan ucapan alu-aluan di Program Ziarah Mahabbah Pondok Kelantan 2026, di Pondok Hidayah Bamboo Rajawali, Pangkal Kala, di sini, pada Khamis.

Program anjuran YTK tersebut dirasmikan oleh Exco Pembangunan Islam, Dakwah, Penerangan dan Hubungan Seranta YB Mohd

Asri Mat Daud.

Menurut Zulqarnain lagi, YTK juga bersedia membantu pondok yang mahu melaksanakan program tertentu tetapi berdepan kekangan kewangan atau tenaga pelaksana.

“Kalau ada pondok yang merasakan mereka tidak mampu melaksanakan program tertentu, boleh datang berbincang dengan YTK dan kita akan cuba usahakan bantuan sebaik mungkin,” jelasnya.

Ujarnya lagi, selain program rutin, YTK turut melaksanakan program hujung minggu dan program berkala tahunan bagi membantu



pembangunan pelajar pondok.

Dalam pada itu, beliau turut menasihatkan semua pelajar pondok sama ada golongan muda, dewasa atau warga emas supaya memanfaatkan masa menuntut ilmu sebaik mungkin.

“Gunakan peluang berada di pondok untuk menimba sebanyak mungkin ilmu, daripada peringkat asas hingga ke tahap lebih tinggi.

“Ada bijak pandai berpesan mengaji biar pandai, perangai biar elok dan hidup ini biar boleh menjadi tempat orang lain bergantung,” katanya.

1,000 peserta meriahkan Half Marathon Jeli, pelari Kenya unggul kategori antarabangsa



Oleh: Syamimi Manah

JELI, 11 Mei – Sebanyak 1,000 peserta dari dalam dan luar negara memeriahkan Program Jeli MD Stats Nature Half Marathon 2026 yang berlangsung di Padang Istiadat Majlis Daerah Jeli (MDJ) pada Sabtu.

Program yang bertemakan “Run, Breathe, Nature” itu menentang elemen gaya hidup sihat dan keindahan alam semula jadi Jeli sebagai daya tarikan utama acara.

Ahli Dewan Negeri (ADN) Kuala Balah YB Dato' Abdul Hadi

Awang Kechil mewakili Exco Belia, Sukan, NGO dan Perpaduan Masyarakat YB Zamakhshari Muhammad merasmikan program tersebut.

Menurutnya, program anjuran bersama Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) dan MDJ itu berjaya menarik penyertaan 1000 peserta dari pelbagai negeri serta luar negara termasuk enam peserta dari Kenya.

Katanya lagi, pelari dari Kenya turut mengungguli kategori antarabangsa 21 kilometer (International)



sekali gus menyerikan lagi penganjuran acara bertaraf antarabangsa itu.

“Penyertaan yang memberangsangkan termasuk dari luar negara membuktikan Jeli mampu menjadi lokasi penganjuran acara sukan yang berprestij serta berdaya saing,” katanya menerusi laman rasmi.

Antara kategori dipertandingkan ialah 21 kilometer lelaki dan perempuan, 10 kilometer lelaki dan perempuan, kategori antarabangsa (open) lelaki dan perempuan serta

lima kilometer (Fun Run).

Beliau turut merakamkan penghargaan kepada Ketua Perangkaan Malaysia Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin, Yang Dipertua MDJ Wan Fahazil Wan Mohamad Jaffar, pihak keselamatan, jabatan kerajaan serta semua pihak yang terlibat menjayakan program berkenaan.

Tambahnya, hampir semua pejabat kerajaan negeri dan persekutuan turut mengambil bahagian dalam pameran sempena acara tersebut termasuk Angkatan Tentera Malaysia (ATM), Polis Diraja Malaysia (PDRM), Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, Jabatan Pertahanan Awam Malaysia (JPAM) serta Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (PERHILITAN).

“Kerjasama erat antara pelbagai jabatan dan agensi dalam menjayakan program ini amat membanggakan dan wajar diteruskan pada masa akan datang,” ujarnya.

Modus operandi baharu pengedaran dadah secara dalam talian perlu tindakan pantas - Pengerusi PEMADAM Kelantan

Oleh: Asri Hamat

KOTA DARULNAIM, 11 Mei - Pihak berkuasa kini berdepan cabaran mencegah penyalahgunaan dadah dan perlu bertindak lebih pantas apabila modus operandi baharu pengedaran dadah yang bukan lagi berlaku secara tradisional di lorong gelap, sebaliknya boleh dibeli secara dalam talian dan diselindungi melalui perkhidmatan bungkusan.

Pengerusi Persatuan Mencegah Dadah Malaysia (PEMADAM) Negeri Kelantan YB Zamakhshari Mohamad, berkata situasi itu menjadi semakin mencabar dengan kemunculan trend dadah sintetik yang lebih kompleks.

Beliau yang juga Exco Kerajaan Negeri Kelantan berkata, tindakan lebih pantas dan menyeluruh perlu digerakkan semua pihak bagi mengekang ancaman terbabit daripada terus menular dalam masyarakat.

Katanya, PEMADAM di per-



ingkat komuniti perlu lebih proaktif dalam melaksanakan gerak kerja akar umbi supaya mesej kesedaran dan pemulihan dapat disampaikan terus kepada masyarakat.

“Mesej kesedaran dan pemulihan perlu sampai terus ke pintu-pintu rumah, bukan sekadar di media sosial,” katanya menerusi media sosial, pada Ahad.

Beliau berkata, isu penyalahgunaan dadah bukan hanya tanggungjawab polis atau Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK) semata-mata, sebaliknya memer-

lukan penglibatan ibu bapa, guru dan pemimpin masyarakat sebagai barisan hadapan.

“Kita perlu melindungi anak muda kita sebelum mereka terjerumus,” jelasnya.

Tegasnya, usaha memerangi dadah juga tidak boleh tertumpu kepada rawatan semata-mata, sebaliknya perlu menyentuh punca utama ketagihan bagi memutuskan rantai bekalan dan permintaan.

“Matlamat kita bukan sekadar merawat gejala, tetapi memutuskan

kan sepenuhnya rantai bekalan dan permintaan dadah,” katanya.

Tambah YB Zamakhshari, kerjasama antara agensi dan masyarakat menjadi kunci utama dalam memastikan isu penyalahgunaan dadah dapat dibendung dengan lebih berkesan.

Menurutnya, semua pihak perlu memainkan peranan dan tidak menunggu sehingga masalah itu berlaku dalam keluarga sendiri sebelum bertindak.

“Bersama kita bina benteng yang kukuh demi masa depan generasi Kelantan yang lebih sejahtera,” ujarnya.

Terdahulu beliau memengerusikan mesyuarat bersama PEMADAM Negeri Kelantan di Bilik Gerakan Mabna, Kompleks Kota Darulnaim pada Ahad.

Mesyuarat tersebut memperincikan strategi dan pelan tindakan bersepadu mencegah penyalahgunaan dadah bersama agensi penguat kuasa, institusi kesihatan, serta jabatan berkaitan.

Pembinaan asrama baharu MMP capai 80 peratus

Oleh: Irham Hilmi Hashim

KOTA BHARU, 13 Mei — Projek pembinaan blok asrama perempuan baharu di Maahad Muhammadi Perempuan (MMP) kini mencapai kemajuan fizikal sebanyak 80 peratus, sekali gus mencerminkan perkembangan memberangsangkan dan berjalan mengikut jadual ditetapkan.

Timbalan Menteri Besar Kelantan YB Dato' Mohamed Fadzli Dato' Hassan berkata, perkembangan tersebut dimaklumkan menerusi sesi taklimat serta hasil tinjauan beliau ke tapak projek, semalam.

Menurutnya, pembinaan asrama baharu itu dirancang secara menyeluruh dengan memberi penekanan terhadap aspek kapasiti, keselesaan dan keselamatan penghuni bagi memastikan kebajikan pelajar terus dipelihara.

Katanya, reka bentuk kemudahan tersebut turut mengambil kira



susun atur ruang yang lebih sistematik, penyediaan utiliti yang lengkap, sistem pengudaraan lebih baik serta ciri keselamatan yang dipertingkatkan.

“Usaha ini penting bagi mewujudkan suasana penginapan yang lebih selesa, selamat dan kondusif untuk para pelajar sepanjang berada di asrama,” jelasnya.

Menurutnya lagi, projek pembangunan itu memberi manfaat langsung kepada pelajar, bahkan menjadi sebahagian daripada usa-

ha berterusan kerajaan negeri dalam memperkukuh infrastruktur pendidikan Islam di Kelantan.

Dalam masa sama, beliau merakamkan penghargaan kepada semua penyumbang yang memainkan peranan dalam menjayakan pembangunan tersebut.

“Semoga segala amal kebajikan ini diterima sebagai amal jariah dan diberkati Allah SWT,” katanya.

Beliau turut menzahirkan penghargaan kepada Yayasan Islam Kelantan (YIK), pengurusan

Maahad Muhammadi Perempuan, kontraktor, perunding serta agensi teknikal berkaitan yang sentiasa memantau pelaksanaan projek agar berjalan lancar dan memenuhi piawaian ditetapkan.

Tambahnya, kerjasama erat semua pihak amat penting bagi memastikan projek berkenaan dapat disiapkan mengikut tempoh dirancang demi manfaat generasi pelajar pada masa hadapan.

Untuk rekod, projek pembangunan semula blok asrama MMP di Jalan Merbau dilaksanakan bagi menyediakan kemudahan penginapan yang lebih kondusif. Mesyuarat pembangunan semula blok asrama baharu telah diadakan pada 29 Jun 2025 bagi menaik taraf bangunan kayu sedia ada, manakala kerajaan negeri sebelum ini memperkenalkan inisiatif awal menerusi projek rintis Baitus Solehah pada Januari 2023 dengan peruntukan RM110,000 untuk asrama pelajar perempuan.

MTS Tanah Merah juara keseluruhan SMASTAEC & FENAS 2026



Oleh: Asri Hamat

KOTA DARULNAIM, 13 Mei — Kontinjen Maahad Tahfiz Sains Tanah Merah mencipta kejayaan yang membanggakan apabila muncul Johan Keseluruhan dalam “Kejohanan Taekwon-Do Sekolah Menengah Agama Se-Malaysia Tahun 2026 (SMASTAEC) & Festival Nasyid (FENAS)” yang berlangsung pada 24 hingga 26 April lalu di Dewan Serbaguna, Kementerian Pertanian dan Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Putrajaya.

Exco Pendidikan dan Pengajian Tinggi, Teknologi Hijau, Digital dan Inovasi YB Dato’ Wan Roslan Wan Hamat, berkata kejayaan itu membuktikan kesungguhan, disiplin serta semangat juang tinggi dalam kalangan pelajar sekolah berkenaan.

Katanya, kontinjen Maahad Tahfiz Sains Tanah Merah berjaya membawa pulang 11 pingat emas, 11 pingat perak dan 11 pingat gangsa sekali gus menewaskan 48 sekolah dari seluruh negara.

“Pencapaian ini amat mem-

banggakan dan menjadi bukti bahawa pelajar tahfiz juga mampu cemerlang dalam bidang sukan di samping akademik serta sahsiah diri,” katanya menerusi media sosial, pada Selasa.

Beliau turut merakamkan penghargaan kepada jurulatih, pengurus pasukan, guru pengiring, pihak pentadbiran sekolah serta ibu bapa yang sentiasa memberi sokongan dan bimbingan sepanjang kejohanan berlangsung.

Katanya, kejayaan itu diharapkan menjadi pemangkin kepada kece-

merlangan lebih gemilang pada masa depan selain melahirkan generasi huffaz yang seimbang dalam aspek akademik, sahsiah dan sukan demi manfaat agama, bangsa dan ummah.

Sementara itu, Yayasan Islam Kelantan (YIK) dalam satu kenyataan di laman rasminya berkata, pencapaian hebat ini bukan sahaja membuktikan kecemerlangan dalam arena sukan, malah menyerlahkan kekuatan disiplin, semangat juang, kesatuan serta usaha berterusan para atlet, jurulatih, pengurusan dan guru pengiring.

“Kejayaan memenangi 11 emas, 11 perak dan 11 gangsa merupakan satu pencapaian yang amat membanggakan.

“Semoga kejayaan ini menjadi inspirasi berterusan buat seluruh pelajar tahfiz untuk terus unggul dalam akademik, sahsiah dan kokurikulum demi agama, bangsa dan ummah,” kata kenyataan itu.

Empat pemimpin Machang santuni 1000 “Anak Mache” di Lembah Klang

Oleh: Irham Hilmi Hashim

KUALA LUMPUR, 12 Mei — Empat pemimpin Machang hadir menyantuni 1000 anak-anak perantau dalam Program Temu Mato Anak Mache di Perantauan bertemakan “Sep Kito Jangey Pecoh”.

Program tersebut sekali gus memperkukuh jaringan ukhuwah dan hubungan komuniti Anak Mache di Lembah Klang yang berlangsung di IWK Eco Park, Pantai Dalam, Sabtu lalu.

Program berkenaan dimeriahkan oleh anak Machang dari pelbagai latar belakang yang menetap di sekitar Lembah Klang, menjadikan ia antara himpunan perantau terbesar bagi komuniti tersebut, setakat ini.

Program anjuran Urus setia Penerangan dan Komunikasi Kerajaan Negeri Kelantan (UPKN) dengan kerjasama Pusat Khidmat Dewan Negeri (DUN) Temangan, Kemuning dan Pulau Chondong serta PERAKAN itu adalah platform penyatuan anak-anak Machang di perantauan.

Mereka yang hadir menyantuni



program tersebut ialah Timbalan Menteri Besar Kelantan merangkap Ahli Dewan Negeri (ADN) Temangan YB Dato’ Dr Mohamed Fadzli Hassan, Ahli Dewan Negeri (ADN) Kemuning Ahmad Zakhran Mat Noor, Ahli Dewan Negeri (ADN) Pulau Chondong Azhar Salleh serta Ahli Parlimen Machang Wan Ahmad Fayhsal Wan Ahmad Kamal.

Dalam ucapan perasmian, Dato’ Dr Mohamed Fadzli Hassan berkata, program tersebut merupakan antara inisiatif tahunan bagi menyantuni rakyat Machang yang

berada di luar Kelantan selain memperkukuh hubungan antara perantau dan pimpinan setempat.

Menurutnya, hubungan yang kukuh antara anak perantau dan pimpinan kawasan amat penting dalam memastikan kebajikan rakyat terus terbela serta agenda pembangunan Machang dapat dilaksanakan secara lebih menyeluruh.

Sementara itu, YB Ahmad Zakhran Mat Noor berkata, anak-anak Machang di perantauan digalakkan untuk menubuhkan organisasi rasmi di bawah nama Anak Machang sebagai medium

penyatuan komuniti.

Menurutnya, penubuhan organisasi tersebut mampu menjadi jambatan kerjasama strategik antara anak perantau dengan pimpinan di ketiga-tiga DUN Machang dalam memperkasa agenda pendidikan, ekonomi, peluang pekerjaan dan keusahawanan.

“Anak-anak Machang yang berada di luar Kelantan seperti di Lembah Pantai, Gombak, Damansara, Shah Alam, Puchong dan Nilai perlu mempunyai organisasi sendiri atas nama Anak Machang.

“Melalui organisasi ini diharapkan dapat diwujudkan kerjasama yang lebih erat bersama pimpinan di Machang demi manfaat rakyat,” katanya.

Turut hadir, Pengarah UPKN Razuan Awang Hamad dan Ketua Whip Majlis Daerah Machang Mohd Zuhairi Awang. Selaku ketua pengelola program yang juga kelahiran Machang, Razuan menyeru hadirin memperkukuh semangat hubbul watan dan membuktikan dengan menyahut seruan dan nasihat pemimpin negeri.



Empat pemimpin Machang santuni 1000 "Anak Mache" di Lembah Klang

MB Kelantan, Exco Pelancongan perincikan laluan KB-Jakarta dengan AirAsia

Oleh: Irham Hilmi Hashim

KUALA LUMPUR, 13 Mei — Menteri Besar Kelantan YAB Dato' Panglima Perang Ustaz Dato' Mohd Nassuruddin Daud bersama Exco Pelancongan, Kebudayaan, Kesenian dan Warisan YB Datuk Kamarudin Md Nor mengadakan pertemuan strategik dengan pihak AirAsia bagi memperincikan persiapan akhir pelancaran penerbangan terus Kelantan-Jakarta sempena siri Promosi Pelancongan Negeri Kelantan ke Jakarta.

Pertemuan tersebut berlangsung di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur Terminal 2 (KLIA2), semalam.

Menurut Dato' Mohd Nassuruddin, diskusi itu adalah langkah penting kerajaan negeri dalam memperkukuh hubungan antarabangsa Kelantan-Indonesia, sekaligus membuka laluan baharu kepada pertumbuhan sektor pelancongan, perdagangan dan pelaburan negeri.

Sementara itu, Datuk Kamarudin pula menjelaskan, delegasi kerajaan negeri yang diketuai Menteri Besar Kelantan telah mengadakan



perbincangan bersama pengurusan AirAsia bagi menyelaras perediaan akhir sebelum laluan penerbangan tersebut dilancarkan.

Menurutnya, pertemuan itu turut disertai Timbalan Pengerusi Pelancongan, YB Zameri Mat Nawang dan Timbalan Setiausaha Kerajaan (Pembangunan) Dato' Ab. Pattah Hasbullah.

"Perbincangan tersebut memfokuskan kepada persiapan akhir pelancaran penerbangan terus dari Kelantan ke Jakarta yang dijangka menjadi pemangkin kepada perkembangan sektor pelancongan dan ekonomi negeri.

"Inisiatif ini bukan sahaja memudahkan urusan perjalanan, malah membuka lebih banyak peluang kerjasama serta memperkukuh hubungan antara Kelantan dan Jakarta dalam pelbagai sektor berkaitan," katanya menerusi media sosial, hari ini.

Beliau optimis, usaha berterusan kerajaan negeri dalam memperkasa sektor pelancongan diterjemahkan melalui kerjasama strategik bersama pelbagai pihak termasuk syarikat penerbangan bagi meningkatkan aksesibiliti pelancong ke negeri ini.

Tambahnya, penerbangan terus

“Inisiatif ini bukan sahaja memudahkan urusan perjalanan, malah membuka lebih banyak peluang kerjasama serta memperkukuh hubungan antara Kelantan dan Jakarta dalam pelbagai sektor berkaitan”

tersebut diyakini mampu memperluas promosi Kelantan sebagai destinasi pelancongan berteraskan budaya, warisan dan pelancongan Islam di peringkat antarabangsa.

Beliau turut berharap segala urusan berkaitan pelaksanaan laluan penerbangan itu dipermudahkan demi memperkukuh kedudukan Kelantan sebagai destinasi pelancongan utama di rantau ini.

"Inisiatif ini diharap menjadi pemangkin kepada pertumbuhan ekonomi negeri serta memperluas jaringan hubungan strategik antara Kelantan dan Indonesia," jelasnya.

